



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM (PINDAAN) 2025 [AKTA A1779]

PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2025 – Parlimen Malaysia, dalam sidang **Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas 2025 Mesyuarat Kedua** telah meluluskan Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 [D.R. 26/2025] yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 8 September 2025. Seterusnya, RUU Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 telah mendapat perkenan diraja daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 20 November 2025 dan telah diwartakan sebagai Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 [*Akta A1779*] pada **28 November 2025**.

Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 [*Akta A1779*] ini telah ditetapkan untuk mula berkuat kuasa bagi sebahagiannya mulai pada 1 Disember 2025 dengan memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam kerangka perundangannya termasuk perubahan nama akta yang sedia ada kepada nama baharu iaitu Akta Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*].

Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 [*Akta A1779*] memperkukuh dan menambah baik kerangka perundangan bagi kawalan dan kawalseliaan aktiviti tenaga atom, untuk perlindungan yang mencukupi bagi pekerja, orang ramai dan alam

sekeliling daripada risiko penggunaan tenaga atom, keselamatan dan sekuriti bahan radioaktif dan bahan nuklear serta kemudahan berkaitan, pemakaian langkah-langkah yang relevan bagi kawal guna dan liabiliti bagi kerosakan nuklear, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Melalui Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 ini, skop kawalan dan kawalseliaan aktiviti tenaga atom diperluas bagi merangkumi aspek keselamatan (*safety*), sekuriti (*security*) dan kawal guna (*safeguards*), iaitu ke arah perundangan nuklear yang komprehensif selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Peluasan skop ini juga selaras dengan instrumen antarabangsa yang berkaitan tenaga atom dan sebagai langkah persediaan negara ke arah menandatangani dan meratifikasi instrumen antarabangsa berkaitan tenaga atom.

Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 akan dikuatkuasa secara berperingkat di mana peruntukan mengenai permit, jaminan kewangan bagi lesen, Kumpulan Wang Sisa Radioaktif dan pengkompaunan kesalahan akan berkuatkuasa setelah selesai penggubalan peraturan-peraturan berkaitan.

Jabatan Tenaga Atom, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi komited menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 bagi memastikan aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna aktiviti tenaga atom sentiasa diberi keutamaan tinggi bagi melindungi pekerja, orang ramai dan alam sekitar serta menjaga kepentingan negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
1 DISEMBER 2025